

UniSZA, UMT kongsi kemudahan pembelajaran

Kuala Nerus: Konsep kese-punyaan atau guna secara bersama bakal digunakan Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) bagi mengatasi kekangan ke-wangan membabitkan kedua-dua universiti itu.

Naib Canselor
UniSZA Datuk Profesor Dr Zubaidi Abdul Latif berkata,

hasil pertemuannya dengan UMT membuatkan kesepakatan untuk kedua-dua universiti yang berjiran itu saling menggunakan kelengkapan sedia ada dalam proses pembelajaran dan pengajaran.

Beliau berkata, konsep melalui Strategi Lautan Biru Kebangsaan (NBOS) itu dapat dimanfaatkan kedua-dua pihak selain menyimatkan kos bagi pembangunan dan mengekang masalah kewangan universiti.

"Dengan prasarana yang ada di UMT dan UniSZA, kita bercadang memajukan sukan memanah, renang dan bola sepak ke peringkat lebih tinggi."

"Sebagai contoh, UMT mempunyai stadium bersama kolam renang manakala UniSZA pula mempunyai atlet berbakat antaranya pasukan bola sepak yang menjuarai Liga Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dan sekiranya digabungkan ia lebih praktikal serta memberi manfaat kepada kedua-dua universiti," katanya di UniSZA Kampus Gong Badak, di sini, semalam.

Mengulas menge-nai pembinaan Hospital Uni-

SZA, beliau berkata, Jabatan Kerja Raya (JKR) mengeluarkan Surat Niat kepada kontraktor yang mendapat tender dan kerja pembinaan dijangka bermula Jun ini.

"Walaupun berlaku kelewat-an, ia tidak menjelaskan perancangan yang diluluskan itu dan buat masa ini tiga kolam takungan tambatan banjir dilaksana di kampus UniSZA Gong Badak bagi mengatasi masalah banjir yang sering berlaku di kawasan setempat."

"Projek yang bermula pada November tahun lalu itu bernilai RM4.5 juta dan dijangka siap pada April depan serta kini mencapai proses 65 peratus siap," kata-nya.

Dalam perkembangan lain, Dr Zubaidi berkata, UniSZA turut memberi penekanan dalam pengambilan pelajar antarabangsa dan pada ta-hun ini universiti meletakkan sasaran 300 pelajar luar negara melanjutkan pelajaran di universiti berkenaan.

"Tahun 2014 dan 2015 me-nunjukkan masing-masing 207 dan 2016 pelajar anta-rabangsa melanjutkan pe-njajian di UniSZA," katanya.

"Konsep melalui NBOS itu dapat dimanfaatkan kedua-dua pihak"

Dr Zubaidi Abdul Latif

HARIAN METRO 12/02/2016

